

SUSULAN BH BONGKAR PENGHUNI 47 FLET, KONDO BERISIKO MAUT

# Kemudahan kerap rosak angkara vandalisme

➔ DBKL akan ganti kelengkapan di PA Seri Kelantan, Seri Pahang

Oleh Rashidah Ilimi Abd Rahim  
rasyiqah@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menggantikan semua kelengkapan kebakaran yang rosak di Perumahan Awam (PA) Seri Kelantan dan Seri Pahang, selewat-lewatnya dalam tempoh dua minggu.

Pengarah Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Komuniti DBKL, Wan Mohammad Ghazali Nor, berkata penggantian itu memabatkan kerosakan panel utama penggera kebakaran, penggantian

alat pemadam api tamat tempoh di dalam bilik pancur kering dan membaik pulih sistem gelung hos supaya dapat berfungsi secara automatik.

Katanya, walaupun pihak kontraktor DBKL sentiasa melaksanakan penyelenggaraan kelengkapan kebakaran, kemudahan itu kerap rosak akibat perbuatan vandalisme.

### Kerosakan sentiasa berulang

“Boleh dikatakan masalah kerosakan sentiasa berulang walaupun kerja-kerja pembaikan sudah dijalankan dan pemeriksaan dijalankan setiap bulan.

“Sebab itu saya sering meminta penduduk supaya menjaga harta benda dan kemudahan awam de-



Tinjauan BH bersama Wan Mohammad Ghazali di PA Seri Kelantan, Sentul, semalam.

ngan baik supaya kita dapat menjimatkan kos penyelenggaraan dan membaik pulih peralatan rosak,” katanya ketika membuat tinjauan bersama BH di PA Seri Kelantan, di sini, semalam.

Ia susulan laporan khas BH Isnin lalu apabila dua perumahan awam di bawah kelolaan pihak berkuasa tempatan itu tersenarai antara 40 pangsapuri dan kondominium di Lembah Klang yang menerima notis bahaya kebakaran dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat, masing-masing enam notis dan 54 notis bahaya kebakaran.

PA Seri Kelantan juga pernah terbabit dengan beberapa insiden kebakaran termasuk yang terbaru pada Julai tahun lalu.

Meskipun penghuni di PA Seri Kelantan mendakwa insiden kebakaran itu memberi pengajaran kepada mereka supaya lebih sedar mengenai kepentingan menjaga kebakaran, tinjauan BH dan DBKL mendapati ia sebaliknya.

### Salah guna kemudahan

Tinjauan mendapati penduduk yang tidak bertanggungjawab menggunakan peti penyimpanan pancur turun untuk menyimpan barang peribadi mereka sendiri, sehingga menyukarkan pihak DBKL menjalankan pemeriksaan.

Ada sebahagian pintu alat bantu kebakaran pula dilihat tidak berkunci manakala sebahagian peralatan kebakaran seperti gelung

hos mengalami kerosakan akibat perbuatan vandalisme.

Lebih membimbangkan, kerosakan panel utama penggera kebakaran dilaporkan berlaku akibat perbuatan individu tidak bertanggungjawab memotong wayar sambungan yang boleh menyebabkan amaran tidak dapat diberikan kepada penghuni bangunan jika berlaku kebakaran.

Mengulas mengenainya, Wan Mohammad Ghazali berkata, berikutan aduan vandalisme semakin meningkat, DBKL akan bertindak lebih tegas selepas ini, iaitu dengan mengenakan kompaun yang lebih tinggi atau menamatkan perjanjian sewa penghuni PA jika didapati mengulangi kesalahan.